



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

SIARAN MEDIA

KPWKM PASTIKAN KESEJAHTERAAN DAN KEBAJIKAN KUMPULAN SASAR TERJAGA

SERENDAH, 18 Mei – YB Dato' Sri Hajah Nancy Shukri, Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) hari ini menyantuni kanak-kanak pada satu majlis ramah mesra kumpulan sasaran KPWKM di Pusat Perkembangan Kemahiran Kebangsaan (PPKKS) Serendah, Selangor.

PPKKS merupakan institusi kendalian JKM yang memberikan perkhidmatan pemeliharaan dan perlindungan kepada kanak-kanak lelaki berusia antara 12 hingga bawah 18 tahun. Kanak-kanak yang ditempatkan di institusi tersebut diberikan didikan agama dan moral yang sebaiknya selain perkhidmatan bimbingan kaunseling untuk membantu mengatasi masalah emosi dan psikologi.

YB Dato' Sri Hajah Nancy Shukri dalam majlis ini turut merasmikan dua (2) blok bengkel di PPKKS untuk dimanfaatkan bagi kegunaan penghuni bagi menggantikan tanah JKM yang terlibat dengan jajaran MRT2 di Sekolah Tunas Bakti Sungai Besi, Kuala Lumpur.

Pembinaan dua blok bengkel baharu ini merupakan satu usaha yang baik memandangkan PPKKS juga menyediakan latihan vokasional kepada kanak-kanak dan kemudahan yang ada ini dapat memberikan keselesaan serta memudahkan urusan pembelajaran para penghuni di PPKKS.

Seiring dengan fokus kementerian, KPWKM melalui agensinya JKM komited memastikan kesejahteraan dan kepentingan kanak-kanak sentiasa menjadi keutamaan dalam agenda pembangunan bagi memastikan halatuju dan masa depan yang lebih baik bagi lepasan institusi kanak-kanak JKM.

Majlis turut sama dihadiri Timbalan Menteri KPWKM, YB Hajah Aiman Athirah Sabu, YBhg. Datuk Dr. Maziah Che Yusoff, Ketua Setiausaha KPWKM, Encik Noor Saidi Muda, Pengarah Pembinaan Bertingkat, *Mass Rapid Transit Corporation Sdn. Bhd.* (MRT Corp.), MMC Gamuda Sdn. Bhd. serta kakitangan dan penghuni PPKKS, Selangor.

####

**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT
18 MEI 2023**